

# Berlalu Ramadan munculnya Syawal

UB 15.08.2012 B4



## BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton mohamad@yahoo.com

HARI demihari Ramadan semakin berlalu, sedih dan sayu terasa di hati malah terfikir adakah masih ada peluang untuk Ramadan yang akan datang? Mungkin bagi kanak-kanak, Ramadan berlalu disambut dengan penuh kegembiraan kerana Hari Raya akan bakal menyusul; namun bagi orang-orang yang bertaqwa kepada Allah melihat berlalunya Ramadan dengan penuh kesyahduan. Apatah lagi merasakan Ramadan adalah bulan yang paling Mulia berbanding bulan-bulan yang lain sepanjang

tahun untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT. Namun begitu sebagai hambaNya setiap muslim perlu Redha dengan berlalunya Ramadan dan bersedia dengan menyambut Syawal yang bakal tiba.

Bagi muasfir-musafir yang berjauhan daripada keluarga akan semakin terasa kesayuan kerana dicerong-corong radio, lagu-lagu raya sering kali diputarkan. Malah iklan-iklan ditelevisyen setiap masa semakin galak dan penuh dengan keinsafan bahawa kehidupan yang mewah dan berjaya tidak bererti sekiranya tidak mendapat restu daripada kedua ibu bapa.

Lantaran itu bagi orang yang pernah mengalami terguris emosi

kerana perbuatan ibu bapa perlu redha dan memohon maaf daripada keduanya kerana tanpa mereka maka tidak akan lahir seorang insan. Justeru itu perasaan ingin memeluk ibu bapa dan sanak saudara perlu disemat di sanubari untuk memastikan diri kita tidak mati emosi untuk saling memaafi diri dan orang lain. Seburuk mana sekalipun ibu bapa mereka tetap insan yang wajib dihormati. Namun dewasa kini semakin ramai lelaki yang bergelar suami hanya taat pada isteri sedangkan si isteri tidak taat kepada suami sebaliknya kepada ibunya. Malah merasakan diri terlebih hebat dan boleh mengawal suaminya. Sedangkan dalam Islam seorang isteri wajib taat kepada suaminya selagi

tidak menyalahi hukum-hakam agama Islam. Namun begitu menjelang Hari Raya ini pelbagai rintihan hati daripada seorang ibu atau bapa yang disisihkan oleh anak-anak dipaparkan di dada akhbar mahupun televisyen dan radio. Rintihan-rintihan tersebut begitu menyayat hati dan tidak pernah terfikir pun bahawa ada di kalangan anak-anak sanggup membuang ibu bapa mereka sendiri. Oleh sebab itu selalu orang berkata, ibu bapa boleh menjaga 10 orang anak tapi anak yang 10 orang tersebut belum tentu dapat menjaga ibu bapa kerana mereka menganggap memelihara anak-anak itu satu amanah namun anak-anak sering lupa keperitan orang tua mereka apabila sudah

menjadi seorang yang berjaya ataupun stabil kehidupan mereka. Walau ibu bapa tidak pernah meminta balasan tapi sebagai menghargai jasa mereka, ibu bapa tidak patut dilupakan dan wang ringgit bukan segalanya. ingatan dan kasih sayang anak-anak yang lebih diutamakan. Teringat saya kepada arwah seorang guru yang pernah membimbing di bangku persekolahan dengan mengatakan bahawa; walau cuma sepuluh ringgit diberikan kepada ibu bapa kita, ia membawa berkat kerana bagi mereka pemberian itu bukan pada nilainya tapi ingatan si anak; maka doa mereka sentiasa ada apalagi setiap kali mereka menerima kiriman dan

pemberian tersebut, sudah pasti perasaan ibu bapa amat gembira dan bersyukur.

Justeru itu bagi setiap insan yang bergelar anak wajib menjaga kedua ibu bapa mereka dengan menganggap ibu bapa adalah amanah dan menjadi ibadat yang tidak membebankan malah akan sentiasa mendapat keredhaan Allah. Dengan cara tersebut sahaja institusi kekeluargaan akan harmoni dan hidup dalam keberkatan Ilahi.

Justeru itu sempena Hari Raya Aidilfitri ambillah peluang untuk kembali kepada keluarga yang tercinta dan mengeratkan kembali silaturrahim yang semakin luntur.

\*Penulis adalah Pegawai Psikologi Hep Ums